



## TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin Bin Abu Hassan  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan  
(KPKT)

Sempena

**PROGRAM EXECUTIVE TALK PERUNDANGAN  
PERANCANGAN (AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN  
DESA 1976 [AKTA 172]) BERSAMA AHLI-AHLI MAJLIS  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PERINGKAT NEGERI  
JOHOR**

**TARIKH : 30 Mac 2021 (Selasa)**

**MASA : 10.00 pagi**

**TEMPAT : Hotel Fraser Place Puteri Harbour,  
Iskandar Puteri, Johor &  
Secara Atas Talian (Online)**

**Bismillahir rahmanir rahim ...**

Terima kasih Pengacara Majlis,

**Yang Amat Berhormat, Dato' Haji Hasni bin Haji Mohammad,**  
Menteri Besar Johor.

**Yang Berhormat, Dato' Haji Azmi bin Rohani,**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

**Yang Berhormat, Tuan Haji Ayub bin Jamil,**  
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor,**

**Yang Berusaha, Town Planner (TPr) Saidin bin Lateh,**  
Pengarah PLANMalaysia@Johor.

# **Datuk Bandar-Datuk Bandar/Yang Dipertua-Yang Dipertua, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor,**

# **Ahli-Ahli Majlis dan Setiausaha-Setiausaha Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor,**

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

# MUKADIMAH

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama pada pagi ini dalam program:

# **EXECUTIVE TALK PERUNDANGAN PERANCANGAN (AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA172]) BERSAMA AHLI-AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PERINGKAT NEGERI JOHOR.**

2. Program *Executive Talk* ini bertujuan **memberi hebahan kepada enam belas (16) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dan **seramai 207 Ahli Majlis di Negeri Johor** berkaitan peranan Ahli Majlis dalam **menjalankan fungsi perancangan bandar dan desa** berdasarkan peruntukan Akta 172.
3. Pelaksanaan program seperti ini telah dilaksanakan di tiga (3) negeri iaitu **Negeri Terengganu pada 23 April 2019, Negeri Sembilan pada 6 Ogos 2019** dan **Negeri Pahang pada 10 Jun 2020**. Manakala, program ini akan dilaksanakan di Negeri Kedah pada **bulan Julai 2021**. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima hasil daripada pelaksanaan terdahulu, program ini disebar luaskan ke seluruh negeri untuk dilaksanakan bagi tujuan keseragaman pelaksanaan berkaitan perundangan perancangan.

## **PERANAN UTAMA AHLI MAJLIS**

4. Seperti Yang Amat Berhormat dan para hadirin sedia maklum, **Ahli Majlis merupakan salah satu tonggak dalam pentadbiran dan pembangunan** sesebuah PBT sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan [Akta 171]. Program ini diharap dapat memberi input kepada Ahli Majlis dalam memperkasakan ilmu dan pengetahuan Ahli Majlis dalam memainkan peranannya di PBT.

## **DOKTRIN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT**

5. Ingin saya memaklumkan bahawa, Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat telah memberi penekanan kepada hubungan tiga (3) hala iaitu hubungan di antara **Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia, serta Manusia dengan Alam Sekitar**. Ia dijadikan sebagai satu dasar dan prinsip utama yang dipegang selama ini dalam

merancang pembangunan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Agenda Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG's).

## **PERANAN DAN FUNGSI PLANMalaysia**

6. KPKT melalui PLANMalaysia merupakan **penasihat utama kepada Kerajaan Pusat dan Negeri** dalam hal ehwal perancangan spatial di samping hubungan strategik bersama agensi-agensi lain seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 2B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang menerangkan mengenai **fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa**.

7. Manakala tindakan bagi **pengukuhan hubungan KPKT dengan Kerajaan Negeri dan PBT** selaku rakan strategik juga turut dipertingkatkan melalui aspek-asepek seperti:

- a) Pertama, pengekalan OSC dan pegawai-pegawai kader sedia ada dan baharu di *Government-Linked Companies* (GLCs) dalam usaha memastikan dasar-dasar dan prosedur yang digarap KPKT difahami dengan jelas melalui pegawai tersebut.
- b) Kedua, memanfaatkan garis panduan yang berdaya laksana dan pemangkin kepada pembangunan.
- c) Ketiga, memberi khidmat kepakaran kepada negeri dan PBT melalui penyediaan rancangan pemajuan, pelaksanaan program *Smart City*, Bandar Selamat, MURNInets dan penubuhan *Malaysia Urban Observatory* (MUO).
- d) Keempat, pelaksanaan ***Localising Rancangan Pemajuan*** yang berasaskan projek yang dapat memberi impak secara langsung kepada rakyat.

## **RANCANGAN PEMAJUAN**

8. Akta 172 telah memberi mandat kepada kerajaan Persekutuan untuk menyediakan Rancangan Fizikal Negara di bawah seksyen 6B. Sehingga kini, kerajaan telah menyediakan tiga (3) RFN dan kini, Rancangan Fizikal Negara Keempat sedang dalam proses penyediaan dan akan melalui beberapa peringkat sebelum diangkat ke Majlis Perancang Fizikal Negara sebagai salah satu dokumen pemajuan Nasional.

9. KPKT melalui PLANMalaysia juga telah menyediakan Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara untuk mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan mampan di peringkat bandar maupun desa. Ini dapat memastikan masyarakat desa tidak ketinggalan dalam arus pembangunan semasa. Selain itu, ia juga dapat memastikan kawasan desa terus dipulihara dan menjadikan desa sebagai tempat tinggal pilihan.

10. Perancangan RFN diterjemahkan dalam rancangan struktur dan rancangan tempatan bagi memperincikan perancangan dalam kawasan PBT. Rancangan Tempatan dibentangkan di dalam mesyuarat penuh PBT untuk dipersetujui oleh ahli-ahli majlis sebagai pemimpin di peringkat komuniti sebelum dokumen tersebut diwartakan. Ahli majlis memainkan peranan penting dalam memastikan keperluan masyarakat dapat dipenuhi di samping memberi penekanan terhadap pemeliharaan alam sekitar.

## **BANDAR PINTAR (*SMART CITY*)**

Yang Amat Berhormat dan para hadirin yang dihormati sekalian,

11. Terkini, seiring dengan kemajuan teknologi melalui *Internet of Things* (IoT), KPKT melalui PLANMalaysia telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Bandar Pintar. **Konsep bandar pintar digunakan sebagai salah satu pendekatan untuk menyelesaikan isu-isu**

**perbandaran** bagi meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran mampan dan selamat serta menggalakkan pengurusan bandar yang cekap melalui penggunaan ICT dan kemajuan teknologi.

**INISIATIF PEMUTIHAN KAWASAN**  
**BLACKSPOT**

12. Untuk makluman hadirin, Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* telah mula dilaksanakan sejak tahun 2013. Ianya merupakan salah satu aktiviti utama Program Bandar Selamat yang telah diperkenalkan pada tahun 2004. **Inisiatif ini bertujuan untuk menurunkan indeks jenayah di kawasan bandar** dan mengurangkan rasa tidak selamat (*fear of crime*- FoC) yang akhirnya akan mewujudkan bandar yang bebas dari ancaman fizikal, sosial dan juga mental.

13. Pada pembentangan Belanjawan 2020 yang lepas, Kementerian Kewangan (MOF) telah bersetuju untuk mengagihkan peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif ini yang disalurkan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN). Di Negeri Johor, PBT yang terlibat adalah **Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)** yang melibatkan kawasan Bandar Baru UDA dengan kos RM500,000.00 dan **Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)** yang melibatkan kawasan Taman Air Biru dan Taman Kota Masai dengan kos RM550,000.00.

## **100 TAHUN PROFESION PERANCANG BANDAR MALAYSIA (100PBM)**

14. Secara umumnya, profesion Perancang Bandar dan Desa kurang dikenali oleh masyarakat Malaysia berbanding profesion yang lain seperti Jurutera, Arkitek, Doktor, ataupun Peguam. Namun, profesion inilah yang menjadi tulang belakang di dalam mencorak pembangunan negara sama ada di kawasan bandar maupun di desa. Pada

tahun ini, genap 100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia di mana perkhidmatan perancangan bandar bermula pada 18 Januari 1921 dengan pelantikan Charles Compton Reade sebagai Pegawai Perancang Bandar Kerajaan yang pertama bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

15. Pelbagai program dan acara juga telah diatur untuk sambutan 100PBM seperti penyiaran Dokumentari 100PBM di dalam Majalah 3, pameran dan sebagainya secara berperingkat dan kemuncak sambutan ini akan diadakan pada **17 Jun 2021** yang akan dirasmikan oleh **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertempat di Dewan Sri Siantan, Putrajaya.**

16. Sekalung penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor di atas usaha menghebahkan sambutan ini ke peringkat negeri yang melibatkan **Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sendiri**

**pada 20 Disember 2020 dengan pelancaran belon serta *sticker* kereta 100PBM.**

## **PENUTUP**

17. Untuk makluman hadirin, Akta 172 digubal untuk **mewujudkan satu pengawalan perancangan yang lengkap dan seragam**. Ia bagi mewujudkan persekitaran pembangunan yang kondusif melalui kawalan pembangunan dan *check and balance* di bawah pertimbangan lembaga rayuan yang ditubuhkan di peringkat negeri.

18. Sehubungan itu, diharap agar perkongsian pada hari ini dapat memberi gambaran dan penjelasan berhubung pemakaian Akta 172. Semoga program seperti ini dapat memberi manfaat dalam menambahbaik *good governance* dan *delivery system* kerajaan secara keseluruhan pada masa kini dan pada masa hadapan.

19. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan di atas kesudian Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor melapangkan masa menghadiri program yang diadakan pada hari ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Johor dan semua para tetamu jemputan di atas kehadiran pada program ini. Semoga kerjasama dan hubungan di antara KPKT, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Johor dapat diteruskan.

**Sekian.**

**Wabillahi                  Taufik                  Walhidayah**  
**Wassalamualaikum                  Warahmatullahi**  
**Wabarakatuh.**

**BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN KAWAL  
SELIA PERANCANGAN**  
**PLANMalaysia**  
**30 Mac 2021**